



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985

DR.2/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Jun 1985.

Tajuk
ringkas
mula
berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas tafsiran "peperiksaan tertentu", tafsiran yang berikut:

Pindaan
seksyen 2.
Akta 225.

"rekod" termasuk rekod maklumat dalam apa-apa bentuk di atas apa-apa bahan, benda, artikel atau apa sahaja barang pun sama ada kekal atau sementara;

3. Subseksyen (1) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 4.

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan "atau nomininya" selepas perkataan-perkataan "Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran" dalam perenggan (b); dan

(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan "atau nomininya" selepas perkataan-perkataan "Ketua Pengarah Pelajaran" dalam perenggan

(c).

Seksyen
baru 12A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sekisyen 12, sekisyen baru 12A yang berikut:

"Kuasa
untuk
mewakil.

12A. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada apa-apa sekatan atau syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil Majlis, atau kepada Setiausaha Agung atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah sekisyen 12, semua atau mana-mana kuasa dan tugas yang diberi atau dipertanggungkan ke atas Majlis di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah sekisyen 31, dan boleh pada bila-bila masa membatalkan perwakilan tersebut.

(2) Tiada perwakilan di bawah subseksyen (1) boleh menjejaskan penjalanan mana-mana kuasa atau pelaksanaan mana-mana tugas oleh Majlis."

Pindaan
sekisyen 26

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan sekisyen 26 dengan sekisyen 26 yang berikut:

"Merahsia-
kan markah,
skrip
jawapan
dan data
statistik.

26. (1) Tiada seorangpun adalah berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon dalam sesuatu peperiksaan tertentu, dan tiada satupun mahkamah boleh memaksa Majlis atau mana-mana ahli, pegawai atau pengkhidmatnya membuat apa-apa penzahiran seumpama itu kepada mana-mana orang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang Majlis dari menyiarkan data statistik, menurut budi bicaranya, jika penyiaran itu mungkin pada pendapatnya dilakukan bagi kepentingan pelajaran di Malaysia:

Dengan syarat bahawa apa-apa data statistik yang disiarkan menurut subseksyen ini tidaklah boleh mengandungi maklumat yang mungkin dengan apa jua cara membawa kepada pengenalan mana-mana calon."

6. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan
seksyen 28.**

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “draf atau salinan” dan perkataan-perkataan “draf atau salinannya” dalam subseksyen (1) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “draf, salinan atau rekod” dan perkataan-perkataan “draf, salinan atau rekodnya”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “draf atau salinannya” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “draf, salinan atau rekodnya”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:
- “(3) Mana-mana orang yang, sebelum atau semasa berlangsungnya peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkaitan dengan sesuatu kertas soalan atau arahan sulit bagi sesuatu peperiksaan tertentu didapati memiliki, menjaga atau mengawal kertas soalan atau arahan-arahan atau sebahagian daripadanya atau mana-mana draf, salinan atau rekodnya tanpa diberi kuasa dengan sah untuk berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

7. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “sembilan” dalam subperenggan (2) perenggan 4 dengan perkataan “tujuh”.**Pindaan
Jadual
Kedua.****HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, yang selepas ini disebut sebagai “Akta”, berdasarkan pengalaman yang diperolehi dari pentadbiran Akta ini sejak ia berkuatkuasa.

2. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan menambahkan tafsiran “rekod” yang mana, dikaitkan dengan pindaan-pindaan kepada seksyen 28 seperti yang dicadangkan oleh fasal 6, adalah bertujuan untuk melindungi rekod-rekod Majlis memandangkan kemajuan-kemajuan di dalam teknologi moden.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 4 Akta untuk meringankan beban Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran (kedua-dua mereka itu adalah anggota-anggota *ex-officio* Majlis) dengan membolehkan mereka menghantar nomini mereka sebagai wakil.

4. *Fasal 4* bertujuan membolehkan Majlis untuk mewakilkan kuasa-kuasanya, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkannya perlu, dengan menambahkan seksyen baru 12A kepada Akta untuk menjaga kecekapan.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 26 Akta dengan menambah subseksyen baru (2), untuk membolehkan maklumat statistik mengenai prestasi peperiksaan disiarkan, dengan tertakluk kepada proviso yang terdapat di dalamnya.

6. *Fasal 6 (c)* bertujuan untuk menguatkan lagi peruntukan di dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 mengenai keselamatan kertas-kertas soalan, arahan sulit, apa-apa draf, salinan atau rekod mengenainya kepunyaan Majlis Peperiksaan Malaysia. Pemilikan, penjagaan atau kawalan bahan-bahan ini oleh orang-orang tak berkuasa adalah kini dikira sebagai suatu kesalahan.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda Jadual Kedua Akta dengan mengurangkan kuorum Majlis yang sedia ada daripada sembilan kepada tujuh orang kerana difikirkan bahawa ianya boleh membantu Majlis menjalankan urusan dengan lebih cepat lagi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan di dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1304.]